

06/09/2000

Pakar IT hadiri mesyuarat panel penasihat MSC

KUALA LUMPUR, Selasa - Pakar terkemuka teknologi maklumat (IT) dunia sekali lagi berkumpul di bandar bestari Cyberjaya dekat sini, untuk menghadiri mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) keempat, bermula Khamis ini.

Persidangan tiga hari yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, antara lain dijangka membincangkan isu pembangunan protokol aplikasi tanpa wayar, piawaian telekomunikasi, kesan teknologi kepada pasaran selain memperincikan hala tuju serta dasar MSC.

Antara ahli panel yang sudah mengesahkan penyertaan ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Compaq Computer Corporation, Michael Capellas; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Silicon Graphics Inc (SGI), Bob Bishop; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Acer, Datuk Dr Stan Shih; Pengerusi Emeritus NEC Corporation, Datuk Dr Tadahiro Sekimoto dan Pengarah Institut Komputer Sains & Teknologi, Universiti Peking, Profesor Wang Xuan.

Turut hadir Penasihat Kanan International Communications Studies, CSIS, Duta Diana Lady Dougan; Presiden dan Ketua Eksekutif Lotus Development Corporation, Al Zollar dan Rakan Kumpulan Parkside LLC, Dr Gilbert Amelio.

Mereka adalah sebahagian daripada 29 ahli panel IAP. IAP yang mempunyai 44 ahli mewakili syarikat teknologi seluruh dunia ialah badan pemikir yang memberi maklum balas berhubung MSC.

Mesyuarat pertama panel itu berlangsung di Universiti Stanford, California, Amerika pada Januari 1997, manakala pada 1998 dan 1999, pertemuan diadakan di Cyberjaya.

Bandar bestari yang Cyberjaya dilancarkan Dr Mahathir tahun lalu ketika mesyuarat IAP ketiga, menjadi medan bagi syarikat tempatan dan antarabangsa menguji dan membangunkan teknologi multimedia terkini.

Selain mesyuarat utama dengan Dr Mahathir, perjumpaan tiga hari itu akan turut merangkumi sesi dialog dan perjumpaan peribadi. Persidangan kali ini bertemakan "Penyelesaian Inovatif Menerusi Perkongsian Sejagat".

Ahli IAP dijangka diberi taklimat perkembangan semasa dan usaha Malaysia membangunkan industri multimediana oleh Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah yang juga Setiausaha IAP.

Persidangan itu juga dijangka membincangkan strategi menggalakkan lebih banyak syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia menceburi perdagangan elektronik (e-dagang).

Ini kerana e-dagang penting kepada syarikat IKS tempatan untuk menerokai pasaran antarabangsa.

Panel IAP juga akan membincangkan kelebihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk manfaat syarikat tempatan dan orang ramai. Sempena persidangan itu, ekspo selama tiga hari turut diadakan dari 8 hingga 10 September di Pusat Pameran Mines, Seri Kembangan, Selangor. Ekspo itu akan mempamerkan teknologi terkini dan pelbagai produk berkaitan daripada syarikat penyedia penyelesaian serta pembekal teknologi.

Antara acara utama yang akan diadakan ialah pelancaran studio E-Village di Dengkil pada Jumaat ini, yang juga sebahagian projek pembangunan Cyberjaya.

(END)